

Rakyat kena tahu beza serangan politik, fitnah

Oleh SITI NUR MAS ERAH
AMRAN
utusan.news@mediamulia.com.my

PERMATANG PAUH: Datuk Seri Anwar Ibrahim meminta rakyat tahu membezakan antara serangan politik dan fitnah yang dilemparkan kepada kerajaan perpaduan.

Kata Perdana Menteri, rakyat perlu menilai dengan adil sebelum menerima atau terpengaruh dengan dakwah-dakwah politik yang tidak berkesudahan.

“Boleh kritik, bukan semua saya buat betul, adakalanya ada kelemahan yang saya tak tahu, tapi cerca dan fitnah memang tak boleh, tak kira dia pakai kopiah atau ketayap.

“Negara kita dulu hampir rosak, menteri semua kaya-raya, kita kena tukar cara itu.

“Oleh itu, berilah peluang kepada kerajaan perpaduan untuk melaksanakan tanggungjawab dalam mentadbir negara,” kata beliau pada Majlis Kenduri Korban Masjid Jamek An-Nur, di Kampung Guar Perahu di sini semalam.

Anwar turut menunaikan solat Jumaat bersama penduduk



ANWAR Ibrahim bersalam dengan ahli kariah ketika menghadiri Majlis Kenduri Korban Masjid Jamek An-Nur di Kampung Guar Perahu, Permatang Pauh semalam.

setempat di masjid tersebut.

Mengulas lanjut, Anwar berkata, beliau tidak terkesan dengan ugutan dan cubaan ‘geng sakau’ yang didakwa mahu menjatuhkan kerajaan perpaduan.

Menurut beliau, kerajaan akan terus berusaha memulihkan semula ekonomi dan kewangan negara walaupun berdepan

pelbagai cabaran besar.

“Macam-macam ugutan yang saya terima dan geng kaya-raya ini sudah sepakat (jatuhkan kerajaan).

“Geng-geng sakau ini hidup mereka besar, harta berbilion, walaupun mereka ‘hidup Melayu’ dan sebagainya, saya akan lawan tetap lawan untuk

mempertahankan prinsip ini.

“Kalau kata saya terlibat dalam kes rasuah, atau guna wang kayakan keluarga (Wan Azizah, Nurul Izzah dan anak-anak), boleh bawa (siasat), tetapi Alhamdulillah syukur, tujuh bulan mentadbir, satu kepentingan keluarga pun tak ada sama sekali,” kata beliau.